



31 Mei 2019
31 May 2019
P.U. (A) 155

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH EKSAIS (PENGEQUALIAN DARIPADA
PELESENAN) 2019

EXCISE (EXEMPTION FROM LICENSING) ORDER 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA EKSAIS 1976

PERINTAH EKSAIS (PENGECUALIAN DARIPADA PELESENAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 20(2) Akta Eksais 1976 [Akta 176], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Eksais (Pengecualian daripada Pelesenan) 2019**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2019.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“gula” ertinya semua monosakarida dan disakarida yang terkandung dalam makanan dan minuman sama ada secara asli atau ditambah;

“kepala 20.09” ertinya barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (1), (2) dan (3) berhubung dengan kepala 20.09 Bab 20 Jadual Pertama kepada Perintah Duti Kastam 2017 [*P.U. (A) 5/2017*];

“kepala 22.02” ertinya barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (1), (2) dan (3) berhubung dengan kepala 22.02 Bab 22 Jadual Pertama kepada Perintah Duti Kastam 2017;

“Bab 4” ertinya barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (1), (2) dan (3) berhubung dengan Bab 4 Jadual Pertama kepada Perintah Duti Kastam 2017.

Pengecualian

3. Golongan orang yang dinyatakan dalam Jadual dikecualikan daripada subseksyen 20(1) Akta Eksais 1976.

Pembatalan

4. Perintah Eksais (Pengecualian Daripada Pelesenan) 1984 [*P.U. (A) 5/84*] dibatalkan.

Jadual

[Perenggan 3]

1. Pengilang berlesen di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967 [*Akta 235*].
2. Mana-mana pengeluar isi rumah wain merah.
3. Pengilang yang mengeluarkan barang-barang di bawah kepala 20.09 yang jumlah kandungan gulanya ialah 12 gram tiap-tiap 100 mililiter (12g/100ml) atau kurang.
4. Pengilang yang mengeluarkan minuman di bawah kepala 22.02 yang jumlah kandungan gulanya ialah 5 gram tiap-tiap 100 mililiter (5g/100ml) atau kurang.
5. Pengilang yang mengeluarkan minuman di bawah kepala 22.02, yang berasaskan susu sebagaimana yang dinyatakan di bawah Bab 4, yang jumlah kandungan gulanya ialah 7 gram tiap-tiap 100 mililiter (7g/100ml) atau kurang.

Dibuat 30 Mei 2019

[SULIT KE.HT(96)669/19-8 Klt.3 Sk.26; Perb. 0.9060/18(S).34); PN(PU2)337/XXIII]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

EXCISE ACT 1976

EXCISE DUTIES (EXEMPTION FROM LICENSING) ORDER 2019

IN exercise of the powers conferred by subsection 20(2) of the Excise Act 1976 [*Act 176*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Excise (Exemption from Licensing) Order 2019**.

(2) This Order comes into operation on 1 July 2019.

Interpretation

2. In this Order—

“sugars” means all monosaccharides and disaccharides contained in a food and beverage either naturally occurring or added;

“heading 20.09” means goods described in columns (1), (2) and (3) in relation to heading 20.09 of Chapter 20 of the First Schedule to the Customs Duties Order 2017 [*P.U. (A) 5/2017*];

“heading 22.02” means goods described in columns (1), (2) and (3) in relation to heading 22.02 of Chapter 22 of the First Schedule to the Customs Duties Order 2017;

“Chapter 4” means goods described in columns (1), (2) and (3) in relation to Chapter 4 of the First Schedule to the Customs Duties Order 2017.

Exemption

3. The class of persons specified in the Schedule are exempted from the subsection 20(1) of the Excise Act 1976.

Revocation

4. The Excise (Exemption from Licensing) Order 1984 [*P.U. (A) 5/84*] is revoked.

Schedule
[Paragraph 3]

1. Manufacturers licensed under section 65A of the Customs Act 1967 [*Act 235*].
2. Any household producer of red wine.
3. Manufacturers who produce goods under the heading 20.09 of which the total sugars content is 12 grams per 100 millilitres (12g/100ml) or less.
4. Manufacturers who produce beverages under the heading 22.02 of which the total sugars content is 5 grams per 100 millilitres (5g/100ml) or less.
5. Manufacturers who produce beverages under the heading 22.02, based on milk as specified under Chapter 4, of which the total sugars content is 7 grams per 100 millilitres (7g/100ml) or less.

Made 30 May 2019

[SULIT KE.HT(96)669/19-8 Klt.3 Sk.26; Perb. 0.9600/18(SJ.34); PN(PU2)337/XXIII]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance